

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengarahkan moratorium pinjaman bank dilaksanakan tanpa faedah tambahan terhadap peminjam-peminjam dalam masa pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan berpandangan bahawa bantuan moratorium pinjaman perlu dilaksanakan secara berhemah bagi memastikan negara kita berada di kedudukan yang baik dan mempunyai sumber yang mencukupi dalam menyokong pemulihan jangka panjang, terutamanya apabila ekonomi dibuka semula. Adalah penting untuk Kerajaan berlaku adil dan mengambil kira implikasi langkah ini kepada bukan sahaja rakyat lain terutamanya dalam kalangan pendeposit, malah juga dalam konteks daya tahan dan kemampuan ekonomi negara kita untuk kembali pulih seperti sedia kala.
2. Setelah mempertimbangkan perkara ini, pihak bank telah bersetuju untuk tidak mengkompaun faedah (iaitu mengenakan faedah atas faedah) atau mengenakan faedah penalti dalam tempoh moratorium selama 6 bulan bagi semua produk pinjaman yang mendapat bantuan moratorium.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan juga ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman terus disediakan kepada mereka yang terjejas, dengan hampir kesemua permohonan bantuan bayaran balik pinjaman diluluskan oleh bank. Permohonan masih dibuka kepada peminjam yang memerlukan dan mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.
4. Walau bagaimanapun, sebagai usaha mengurangkan beban rakyat, Kementerian Kewangan telah meminta institusi perbankan untuk mengusahakan pengecualian bayaran faedah bagi penerima moratorium pinjaman bank melibatkan penerima moratorium dari kumpulan lima puluh peratus (50%) terbawah daripada keseluruhan rakyat Malaysia untuk sepanjang tempoh tiga (3) bulan pada suku keempat 2021.

Sekian, terima kasih.